

Contoh Muka Depan

Ring binding, plastic depan/belakang

LAPORAN PENGECUALIAN LATIHAN INDUSTRI

ALI AHMAD
NO. K/P: 12345678
Semester 1 2017-2018

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Prakata	i
	Kandungan	ii
	Curriculum Vitae	iii
	Ringkasan Pengalaman Iktisas	iv
	Surat Pengesahan Majikan	v
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan Kepada Laporan Pengecualian Latihan Industri	1
BAB 2	LATAR BELAKANG SYARIKAT	
	2.1 Profil Syarikat	3
	2.2 Carta Organisasi	5
BAB 3	BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	
	3.1 Bidang tugas	6
	3.2 Tanggungjawab	8
BAB 4	PERINCIAN PROJEK DAN PENGALAMAN	
	4.1 Maklumat Asas Projek	9
	4.2 Penerangan Pengalaman Dalam Projek	11
	4.2.1 Rekabentuk	12
	4.2.2 Tapak	14
	4.2.3 Pengurusan	16
	4.2.4 Perancangan	17
	4.2.5 Lain-lain	18
	4.3 Ringkasan dan Pengesahan Pengalaman	20
BAB 5	Kesimpulan dan Cadangan	22

Contoh CV

NAMA : ALI BIN AHMAD NO. KAD PENGENALAN : 122345678 NO. MATRIKS : SX12345AWJ04		
ALAMAT SURAT MENYURAT : NO 25, JLN RIA 2 SEKSYEN 6, TAMAN RIA, BANDAR RIA, 47110 SERI KEMBANGAN, SELANGOR.		
NOMBOR TELEFON : H/P : 012-1234567 PEJABAT : 03-1234567 RUMAH : 03-1234567		
NAMA DAN ALAMAT MAJIKAN SEKARANG: SETIA MAJU SDN BHD, NO 3, JALAN MAJU, 62250 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA. NAMA PEGAWAI ATASAN : 1) EN. ABU (Chief Executive Officer) YANG BERTANGGUNGJAWAB : 2) EN. CHAN (Project Manager) NOMBOR TELEFON : 03-12345667		
PENDIDIKAN UMUM :		
Sekolah Menengah : SEK. MEN. SAINS TUANKU JA'AFAR , KUALA PILAH NEGERI SEMBILAN	Peperiksaan yang lulus, Gred : SPM – GRED 1	Tarikh Sijil : 2001
PENDIDIKAN KEJURUTERAAN :		
Universiti/Institusi Pengajian : 1) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), K.L	Sijil Kejuruteraan, Bidang : DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM	Tarikh Sijil : Mei 2009
KELAYAKAN LAIN, TERMASUK PENGHORMATAN, GELARAN DAN ANUGERAH YANG DITERIMA:		
-TIADA-		

Contoh Ringkasan Pengalaman Ikhtisas

PENGALAMAN IKTISAS (Maklumat harus lengkap dan informatif)								
Tarikh (Bulan, dan Tahun) : Mulai - Hingga	KENYATAAN LATIHAN DAN PENGALAMAN (Nyatakan semua jawatan yang pernah dipegang, majikan dan penjelasan mengenai tanggungjawab bagi setiap jawatan berkenaan, bermula dengan pengalaman terkini)	Nama dan alamat pegawai yang menyelia kerja	Bidang pengalaman (bulan)					
			Jumlah	Rekabentuk	Tapak	Pengurusan	Perancangan	Lain-lain, nyatakan
Sept. 2012 – sekarang	Setia Putrajaya Sdn Bhd (Anak syarikat SP Setia Bhd Group) <u>Jawatan</u> : Penyelia Tapak <u>Tanggungjawab</u>: Mewakili pihak perunding di tapak bina. Mengawasi dan menyelia kerja-kerja struktur, arkitek,M&E di tapak bina supaya mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak klien. <u>Skop kerja</u> : ● Menjalankan pemeriksaan untuk kerja-kerja kotakbentuk, struktur bertetulang dengan pihak kontraktor supaya mengikut spesifikasi. ● Menyelia kerja-kerja konkrit bagi struktur bangunan. ● Menilai ‘claim’ dari pihak kontraktor. ● Menghadiri mesyuarat tapak berkaitan dengan isu isu ditapak Projek Terlibat: 1. Cadangan membina dan menyiapkan bangunan sekolah kebangsaan wangsa maju, Kuala Lumpur 2. Cadangan Ubahsuai dan Baikpulih Asrama Ibrahim dan kerja-kerja berkaitan di Mados, Pasir Gudang, Johor	Ir. Vellavan Rajoo (Pengurus Projek)	12	2	6	3	1	-

Jun 2009 – Sept. 2012	Belati Wangsa (M) Sdn. Bhd. <u>Jawatan</u> : Penyelia Tapak <u>Tanggungjawab</u>: Mewakili pihak kontraktor di tapak bina. Mengawasi dan menyelia kerja-kerja struktur, tapak bina supaya mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak klien. <u>Skop kerja</u> : • Menjalankan pemeriksaan untuk kerja-kerja kotakbentuk, struktur bertetulang dengan pihak kontraktor supaya mengikut spesifikasi. • Menyelia kerja-kerja konkrit bagi struktur bangunan. • Menyelia kerja-kerja senibina. • Menyelia kerja-kerja M&E • Menilai 'claim' dari pihak kontraktor. • Menghadiri mesyuarat tapak berkaitan dengan isu isu ditapak Projek terlibat: 1. Cadangan pembangunan 316 unit rumah berkembar 2 tingkat yang mengandungi fasa 15-1:118 unit di atas plot 9183-9190, plot 9254-9293 dan plot 9446-9515, fasa 15-2&3: 198 unit di atas plot 9523-9542, plot 9724-9773 dan plot 9806-9806 seluas 52.39 ekar, presint 15, wilayah persekutuan putrajaya. 2. Cadangan Membina Flat 5 tingkat untuk Ibu Pejabat Polis Daerah, Pasir Berdengung,, Johor	Ir. Rahim Mohamad (Jurutera Tapak)	39	6	20	6	7	-
	JUMLAH		51	8	26	9	8	-

Contoh Maklumat Asas Projek

CADANGAN PEMBANGUNAN 316 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT YANG MENGANDUNGI FASA 15-1:118 UNIT DI ATAS PLOT 9183-9190, PLOT 9254-9293 DAN PLOT 9446-9515, FASA 15-2&3: 198 UNIT DI ATAS PLOT 9523-9542, PLOT 9724-9773 DAN PLOT 9806-9806 SELUAS 52.39 EKAR, PRESINT 15, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

Harga Kontrak : RM 64,816,131.00 (FASA 2 & 3 – 198 UNIT)
: RM 38,627,795.00 (FASA 1 – 118 UNIT)

Tempoh Kontrak : 1 Julai 2007 hingga 1 Julai 2009

Klien : Jabatan Kerja Raya Putrajaya.

Pemaju : Putrajaya Holdings Sdn Bhd & Setia Putrajaya Sdn Bhd.

Arkitek : Visage Architect Sdn Bhd

Perunding Civil : Jentrikon Perunding Sdn Bhd

Perunding Struktur : Jurutera Perunding Jernih Sdn Bhd

Perunding M & E : Coburg Consulting Sdn Bhd

Kontraktor : Kindah Construction Sdn Bhd (fasa 2&3)
: Salam Kurnia Builders (fasa 1)

Contoh Ringkasan Pengalaman Dalam Projek

RINGKASAN DAN PENGESAHAN PENGALAMAN DALAM PROJEK

PROJEK:

CADANGAN PEMBANGUNAN 316 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT YANG MENGANDUNGI FASA 15-1:118 UNIT DI ATAS PLOT 9183-9190, PLOT 9254-9293 DAN PLOT 9446-9515, FASA 15-2&3: 198 UNIT DI ATAS PLOT 9523-9542, PLOT 9724-9773 DAN PLOT 9806-9806 SELUAS 52.39 EKAR, PRESINT 15, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

<u>Ringkasan Pengalaman</u>	<u>Jumlah Bulan</u>
Rekabentuk	2
Tapak	10
Pengurusan	6
Perancangan	6
Lain-lain	0
<u>Jumlah</u>	<u>24</u>

Maklumat yang dinyatakan di atas adalah disahkan benar.

.....

(Nama Pelajar)

.....

(Nama dan Cop Jawatan Jurutera yang bertanggungjawab)

Contoh “Binding” Laporan

**LAPORAN
LATIHAN INDUSTRI**

**MOHD ZAINUDIN BIN JENAL
NO. K/P: 750307-04-5311
31 OGOS 2013**

**FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

PRAKATA

Sekalung ucapan terima kasih saya rakamkan dengan tulus ikhlas dan penghargaan kepada pensyarah yang bertanggungjawab, Ir. Mohd Salleh bin Yassin di atas bimbingan yang diberikan dalam menyiapkan Laporan Pengecualian Latihan Industri ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Jurutera (Perkhidmatan Kejuruteraan Awam), En. Muhammad Afdzal bin Ali selaku penyelia saya di Unit Perkhidmatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Pembangunan Aset, Bahagian Pembahagian, Tenaga Nasional Berhad di atas dorongan dan bimbingan beliau semasa proses penyiapan laporan pengecualian Latihan Industri ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang mendalam kepada rakan-rakan sekerja saya, pihak jurutera perunding, kontraktor dan lain-lain yang terlibat dalam projek **Membina Dan Menyiapkan Bangunan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) 33/11kV di Bandar Putra Bertam, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, dan Membina Dan Menyiapkan Bangunan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) 33/11kV Seri Kijang, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang** yang banyak memberi sokongan dan panduan penting di dalam melengkapkan laporan ini.

Pengalaman berkhidmat di Tenaga Nasional Berhad telah membuka luas minda saya dalam memahami dan mengadaptasi semua teori-teori yang telah dipelajari dan teknologi yang terdapat di dalam pembinaan. Ilmu dan praktikal saling melengkapi serta pengalaman saya bekerja di tapak selama ini sangat membantu saya dalam memahami realiti sebenar dunia kejuruteraan awam yang luas ini. Saya amat berharap pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dapat mempertimbangkan pengecualian latihan industri / praktikal saya ini.

No. Rujukan : TNB/DD/AD/10084648
Tarikh : 03 Julai 2017

Fakulti Kejuruteraan Awam
Jabatan Program Luar
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai
Johor Darul Takzim

Tuan,

PENGESAHAN PEKERJA

Perkara di atas adalah dirujuk.


2. Saya mengesahkan dan memperakukan penama di bawah adalah pekerja syarikat ini dan segala butiran adalah sama dengan rekod kami.

Nama	:	SYAIRUL SYAFANDI BIN JAMIL
No. Kad Pengenalan	:	850217-13-5063
Jawatan	:	JURUTEKNIK TINGKATAN KANAN (TT11)
Taraf Jawatan	:	TETAP
Tarikh Mula Berkhidmat	:	13 OGOS 2007
Tempat Bertugas	:	JABATAN PEMBANGUNAN ASET BAHAGIAN PEMBAHAGIAN, TNB WISMA TNB, JALAN TIMUR, PJ

3. Dikemukakan untuk tindakan tuan selanjutnya, sebarang kemusykilan perlu berhubung dengan pekerja di Bahagian Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih.

"BETTER.BRIGHTER."



(MUHAMMAD AFDZAL BIN ALI)
Jurutera (Perkhidmatan Kejuruteraan Awam)
Jabatan Pembangunan Aset
Bahagian Pembahagian, TNB

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Saya, Syairul Syafandi bin Jamil No. K/P. 850217-13-5063 telah berkhidmat di dalam sektor kejuruteraan selama 9 tahun 11 bulan. Kerjaya saya di dalam bidang ini bermula pada 13 Ogos 2007 sebagai Juruteknik (Perkhidmatan Kejuruteraan Awam) gred TT09 dan sehingga kini masih bertugas dalam jabatan yang sama sebagai Juruteknik Kanan (Perkhidmatan Kejuruteraan Awam) gred TT11 di Unit Kejuruteraan Awam, Jabatan Perancangan & Pembangunan Aset, Bahagian Pembahagian, Tenaga Nasional Berhad.

Di sinilah saya menimba pengalaman bekerja pertama saya selepas dianugerahkan diploma. Sebagai seorang juruteknik, saya banyak menimba pengalaman di tapak sepanjang menyelia projek-projek pembinaan. Ilmu yang diperolehi semasa pengajian Diploma diaplikasikan semasa berada di tapak projek. Gabungan ilmu dan praktikal di tapak memberikan pengalaman yang sangat berguna kepada saya. Saya terlibat secara langsung dalam kerja – kerja penyeliaan di tapak, menyelesaikan kejanggalan/isu di tapak, menghadiri mesyuarat tapak dan menyemak tuntutan kemajuan kerja bagi projek yang terlibat serta pemeriksaan *Pre-Commissioning and Testing (PIAT)* dan *Specification Compliance Audit (SCA)* untuk mendapatkan *Taking Over Certificate (TOC)* dan *Completion Certificate (CC)*. Sepanjang berkhidmat di sini, saya telah menimba pengalaman yang sangat berguna dalam perkembangan karier saya untuk masa hadapan.

1.2 Pengenalan Kepada Laporan Pengecualian Latihan Industri

Laporan pengecualian Latihan Industri merupakan salah satu langkah untuk pelajar separuh masa di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) seperti saya yang sememangnya bertugas dan melaksanakan kerja-kerja berkaitan dengan bidang kejuruteraan awam mendapatkan pengecualian daripada menjalankan Latihan Industri. Berkhidmat di Tenaga Nasional Berhad banyak mendedahkan saya dalam kerja-kerja yang melibatkan pembinaan pencawang dan sesalur kabel. Projek-projek ini melibatkan kerja-kerja pembinaan bangunan dan kerja-kerja infra. Setiap projek ini mempunyai spesifikasi yang perlu dipatuhi semasa proses pembinaan dijalankan.

Kekuatan yang saya ada untuk melayakkan saya mendapat pengecualian Latihan Industri ini adalah saya sudah berkhidmat di Tenaga Nasional Berhad selama 9 tahun 11 bulan dan ditempatkan di Unit Kejuruteraan Awam, Jabatan Pembangunan Aset, Bahagian Pembahagian, sebagai Juruteknik selama 9 tahun 11 bulan sejak mula berkhidmat di Tenaga Nasional Berhad. Di antara bidang tugas saya yang berkaitan dengan pengecualian Latihan Industri ini adalah membantu jurutera dalam menyemak lukisan awalan, penyediaan dokumen tender sehingga pemantauan kerja-kerja di tapak.

Saya juga bertanggungjawab dalam membantu penyediaan surat-menyurat yang berkaitan projek di pejabat. Disamping itu, saya perlu menghadiri dan melaporkan sebarang mesyuarat tapak atau koordinasi jika diarahkan. Saya juga bertanggungjawab memeriksa tuntutan kemajuan kontraktor dan memastikan tuntutan tersebut mengikut kemajuan sebenar di tapak. Akhir sekali, saya juga perlu mengurus dan memeriksa kerja-kerja yang terlibat semasa dalam tempoh tanggungan kecacatan sepertimana yang terdapat di dalam *Master Defect List* untuk setiap projek.

BAB 2

LATAR BELAKANG TENAGA NASIONAL BERHAD

2.1 Profil Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempunyai tiga bisnes teras iaitu penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Di Semenanjung Malaysia, TNB membekalkan isi rumah dan industri dengan tenaga elektrik yang dijana dari enam skim stesen haba dan tiga janakuasa hidro utama. TNB turut mengurus dan mengendalikan Grid Nasional yang menghubungkan stesen-stesen janaelektrik TNB dengan Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) dengan rangkaian pembahagian. Grid ini juga disambungkan dengan sistem penghantaran Thailand di utara dan system penghantaran Singapura di Selatan. Di Malaysia Timur, TNB memiliki 80% ekuiti dalam Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) yang menguruskan Grid Sabah.


Selain daripada perniagaan terasnya, TNB juga telah mempelbagaikan perniagaannya ke dalam pembuatan alatubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; penyediaan perkhidmatan perundingan profesional dan senibina; perkhidmatan dan kerja-kerja kejuruteraan awam dan elektrik; serta perkhidmatan membaik pulih dan penyenggaraan. Syarikat juga terlibat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan; serta pembangunan dan perkhidmatan pengurusan hartanah. Dengan memanfaatkan peluang-peluang yang terbuka di luar negara, TNB turut menerokai pasaran-pasaran baharu dengan memfokus kepada rantau Asia-Pasifik, Timur Tengah dan Utara Afrika.

Pada tahun 2005, Syarikat telah melancarkan Pelan Strategik 20 Tahun yang bermatlamat untuk mentransformasi TNB menjadi sebuah syarikat bertaraf dunia menjelang tahun 2025. Untuk menyokong wawasan ini, TNB telah membuat pelaburan besar dalam pembangunan profesional secara berterusan bagi warga kerjanya melalui program-program tersusun. Penekanan yang diperbaharui turut

2.4 CARTA ORGANISASI

7

2.4.1 Carta Organisasi Unit Perkhidmatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Pembangunan Aset, Bahagian Pembahagian, TNB



(Carta 1 : Carta Organisasi Unit Perkhidmatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Pembangunan Aset)

BAB 3

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

3.1 Bidang Tugas

Bidang tugas sebagai seorang Juruteknik (Perkhidmatan Kejuruteraan Awam) di Tenaga Nasional Berhad adalah meluas dan bergantung kepada keperluan dan kesesuaian di jabatan yang terlibat. Di Unit Perkhidmatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Pembangunan Aset, Bahagian Pembahagian, TNB, Juruteknik (Perkhidmatan Kejuruteraan Awam) terlibat di dalam pembinaan projek-projek baru dan projek-projek rehabilitasi yang melibatkan kerja-kerja sivil dan struktur amnya. Penglibatan yang biasanya bermula dari peringkat sesebuah projek itu ditender sehinggalah projek itu siap secara fizikal dan sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan serta mendapat *Completion Certificate (CC)*.

Di jabatan ini, saya terlibat di dalam pelaksanaan projek bermula dari sesebuah projek itu dianugerahkan kepada kontraktor sehingga selesai tempoh tanggungan kecacatan. Bermula dari *Kick-off Meeting*, pihak kontraktor akan memulakan pembinaan di tapak mengikut tempoh pelaksanaan kontrak yang telah ditetapkan dan pemantauan akan dibuat berdasarkan *Approved Work Program* yang diperakukan oleh Pengurus Besar Kanan, Jabatan Pembangunan Aset. Di sini juga bermulanya tugas saya dalam memantau kemajuan projek dan memastikan setiap aktiviti di tapak mematuhi spesifikasi dan lukisan yang ditetapkan dan sentiasa berada dalam keadaan selamat. Di dalam kontrak pembinaan ini juga terdapat beberapa audit yang akan dijalankan berdasarkan kemajuan projek di tapak. Audit ini meliputi aspek pematuhan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (*SAFCA-Safety Compliance Audit*), pematuhan spesifikasi (*SCA-Specification Compliance Audit*), pengujian peralatan (*PIAT-Pre-commissioning Inspection and Testing*) dan pengesahan keselamatan peralatan yang digunakan (*RSV-Reliability Safety Verification*). Di sini saya ditugaskan untuk memastikan projek ini mematuhi semua garis panduan yang telah ditetapkan untuk semua projek di TNB dan segala dokumen yang berkaitan disediakan dan dilengkapkan oleh pihak kontraktor sebelum sesebuah projek itu dimulakan.

3.2 Tanggungjawab

- i) Memantau kemajuan projek di tapak berdasarkan *Approved Work Program* untuk meminimumkan kelewatan penyiapan projek.
- ii) Memeriksa tuntutan kerja kontraktor dan memastikan tuntutan dibuat berdasarkan kemajuan kerja di tapak.
- iii) Membantu jurutera menyediakan bajet (*CAPEX-Capital Expenditure*) untuk setiap projek yang terlibat.
- iv) Menghadiri mesyuarat tapak yang diadakan bagi membincangkan isu-isu di tapak bersama semua pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan projek.
- v) Memastikan setiap kerja di tapak mematuhi lukisan dan spesifikasi yang ditetapkan oleh TNB. Setiap perubahan terhadap lukisan dan spesifikasi di tapak perlu mendapat kelulusan dan arahan sebelum ianya dijalankan.
- vi) Memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diamalkan dan seorang pegawai keselamatan dan kesihatan atau penyelia keselamatan tapak sepenuh masa perlu berada di tapak sehingga projek disiapkan.
- vii) Mengenalpasti kejanggaran di tapak dan menyelesaikan isu/masalah berbangkit di tapak.
- viii) Membuat persediaan dan pemeriksaan di tapak sebelum setiap audit dijalankan bagi memudahkan urusan semasa audit dijalankan.
- ix) Memeriksa kerosakan dan kecacatan bangunan dan peralatan semasa di dalam tempoh tanggungan kecacatan (*Defect Liability Period*) bagi memastikan kerja pembaikan dilakukan oleh kontraktor berkenaan secepat mungkin.
- x) Memeriksa keadaan bangunan dan peralatan sebelum mengeluarkan *Completion Certificate (CC)*

BAB 4

PERINCIAN PROJEK DAN PENGALAMAN PROJEK

4.1 Maklumat Asas Projek

Bagi tujuan Laporan Pengecualian Latihan Industri, saya telah memilih dua projek.

Projek yang dipilih adalah seperti berikut:

4.1.1 Projek 1

MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN PENCAWANG PEMBAHAGIAN UTAMA (PPU) 33/11KV BANDAR PUTRA BERTAM, MUKIM 6, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

Jumlah Harga Kontrak	:	RM 1,483,000.00
No.Kontrak	:	TNB (B) 752/2015N (ERMS 550029893)
Tempoh kontrak	:	180 hari
Tarikh Mula Kerja	:	20 April 2016
Tarikh Siap Kerja	:	28 Disember 2016
Lanjutan Masa No. 1	:	28 April 2017 (120 hari)
Lanjutan Masa No. 2	:	30 November 2017 (125 hari)
Arahan Perubahan No.1	:	RM 81,979.00
Klien	:	Tenaga Nasional Berhad (Senggaraan Aset 33kV Pulau Pinang)
Kontraktor	:	Juruniaga Sdn. Bhd.
Jurutera Perunding	:	Ilham Jurutera Sdn. Bhd.
Tempoh Tanggungan Kecacatan	:	12 bulan
Denda Kelewatan dan Gantirugi (L.A.D)	:	RM 552.35 / hari

Bagi projek kedua ini, ia telah dimulakan pada 3 Ogos 2015 dengan tempoh kontrak 180 hari. Tarikh penyiapan kerja yang sepatutnya adalah pada 30 Januari 2016, walau bagaimanapun disebabkan terdapat masalah semasa proses memperolehi Kebenaran Merancang (*Development Order*), dan isu tanah yang mengambil masa untuk diselesaikan projek ini tidak dapat dijalankan mengikut jadual kerja sebenar. Kebenaran awal memasuki tapak diberikan kepada kontraktor oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai Tengah (MPSP), tetapi hanya kerja-kerja awalan sahaja yang boleh dijalankan tanpa melibatkan sebarang pembinaan struktur kekal.

4.3 Skop Projek

4.3.1 Projek 1 & 2

Skop projek pembangunan ini terdiri daripada membina dan menyiapkan bangunan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) 33/11kV yang berfungsi sebagai pencawang yang akan memberi bekalan elektrik kepada Pencawang Elektrik yang terlibat serta ke kawasan perindustrian yang merupakan pengguna kuasa besar (*Large Power Customer – LPC*).

4.4 Penerangan Pengalaman Dalam Projek

4.4.1 Rekabentuk (Projek 1 & 2)

Dalam proses rekabentuk, kerja-kerja yang terlibat adalah memeriksa lukisan-lukisan rekabentuk mengikut kesesuaian keperluan asal projek. Lukisan-lukisan yang terlibat adalah lukisan arkitek, sivil & struktur, dan mekanikal & elektrik yang mana ianya di dalam bidang kejuruteraan awam. Lukisan-lukisan ini disemak supaya mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh TNB.

Bagi projek ini, saya terlibat membantu jurutera memeriksa dan meneliti lukisan-lukisan yang dihantar oleh pihak jurutera perunding. Lukisan-lukisan ini disemak supaya mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Di sini juga semua kedudukan bilik dalam bangunan pencawang diperiksa supaya ianya sama seperti

Site Memorandum di tapak sebagai teguran di atas kualiti kerja yang kurang memuaskan. Inisiatif diambil oleh pihak kontraktor dengan membuat pembaikan terhadap teguran yang diberi. Tanpa kerjasama semua pihak yang terlibat segala perancangan tidak akan berjalan dengan lancar. Pencawang ini telah dimulatugas pada Mei 2016 yang lalu hasil usaha keras semua pihak yang terlibat dengan projek ini.


4.5 Ringkasan Dan Pengesahan Pengalaman Dalam Projek


4.5.1 Projek 1

MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN PENCAWANG PEMBAHAGIAN UTAMA (PPU) 33/11KV BANDAR PUTRA BERTAM, MUKIM 6, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

<u>Ringkasan Pengalaman</u>		<u>Jumlah Bulan</u>
Rekabentuk	:	2
Tapak		9
Pengurusan	:	2
Perancangan	:	1
Lain-lain		0
JUMLAH		<u>14 BULAN</u>

Maklumat yang dinyatakan di atas adalah disahkan benar.


.....
SYAIRUL SYAFANDI BIN JAMIL
SX100370AWJ04


.....
MUHAMAD AFDZAL BIN ALI
JURUTERA
(Perkhidmatan Kejuruteraan Awam)
Jabatan Pembangunan Aseel
Bahagian Pembahagian
Tenaga Nasional Berhad

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Kesimpulan

Permohonan pengecualian latihan industri ini dibuat bagi membuktikan pengalaman yang telah diperolehi di dalam bidang yang berkaitan dengan kursus yang sedang diambil di UTMSpace. Saya telah berkhidmat di dalam Kementerian Kesihatan sejak tahun 2011 sehingga kini (2017). Terdapat pelbagai pengalaman yang telah diperolehi berkaitan bidang Kejuruteraan Awam terutama dari segi rekabentuk, pemantauan projek dan perancangan.

Selain dari bidang Kejuruteraan Awam, bidang pengurusan pejabat juga telah diperolehi dengan mengikut etika penjawat awam dan prosedur pengurusan tertinggi. Perkara paling utama yang diperlukan di dalam pengurusan pejabat adalah pengurusan dokumen terperingkat. Kemudiannya, pengalaman yang telah saya perolehi ialah tatacara perolehan kewangan yang perlu dipatuhi sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Walaupun berkhidmat di dalam Kementerian Kesihatan bukanlah sebuah jabatan teknikal, namun terdapat pelbagai kerja-kerja teknikal yang terdapat di dalam jabatan ini. Jabatan ini juga mempunyai kepakaran teknikal dalam semua disiplin iaitu Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Elektrik, Elektronik dan Biomedik. Keperluan teknikal ini sangat diperlukan terutama bagi melicinkan penggunaan peralatan perubatan yang digunakan bagi merawat pesakit. Sekiranya peralatan perubatan ini tidak diselenggara oleh kepakaran teknikal, jangka hayat aset kerajaan tidak dapat dipanjangkan dan merugikan kerajaan demi pembelian baru.